



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 10/1975**

*Permohonan Pembahagian Pusaka Bernilai Lebih
Dari \$10,000/- Yang Dibuat Sebelum 1.7.74*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai kedudukan permohonan untuk pembahagian sesuatu pusaka yang bernilai lebih dari \$10,000/- dan yang telah dibuat kepada Mahkamah sebelum 1.7.1974

2. Menteri Undang-undang dan Peguam Negara telah membuat perintah di bawah sayart kepada seksyen kecil 3(2) Small Estates (Distribution) Act (Revised----1972)----Malaysia Act 98 menaikkan nilai harta alih dan harta tetap yang menjadi pusaka kecil dari \$10,000/- ke \$25,000/-. Perintah ini yang telah berjalan mulai 1.7.1974 memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah untuk mengurus permohonan untuk pembahagian bagi sesuatu pusaka mengandungi harta alih dan tetap yang bernilai tidak lebih dari \$25,000/- iaitu, permohonan yang diterima selepas tarikh itu. Perintah tersebut tidak melibatkan permohonan probet dan surat mentadbir untuk pusaka yang berbilai tidak lebih dari \$25,000/ yang diterima oleh Mahkamah sebelum 1.7.1974 dan permohonan itu tidak boleh dipindahkan kepada Pemungut untuk diuruskan sebagai pusaka kecil.

3. Perlu diperhatikan juga bahawa seksyen 3(3) Small Estates (Distribution) Act (Revised—1972)----Malaysia Act 98 memperuntukkan bahawa bagi tujuan menentukan samada sesuatu pusaka itu kecil atau tidak, nilai harta bagi pusaka itu hendaklah dikira pada tarikh permohonan didaftarkan. Bagi permohonan-permohonan yang dikemukakan kepada Mahkamah, biasanya harta itu dinilai pada tarikh kematian dan bukannya pada tarikh permohonan dibuat. Oleh kerana nilai harta naik mengikut masa, maka besar kemungkinan nilai harta didalam permohonan kepada Mahkamah itu akan bertambah sekiranya ditaksirkan pada tarikh permohonan itu dibuat dan dengan demikian nilai sebenarnya akan melebihi \$25,000/-.

4. Pemungut-pemungut adalah dengan ini dinasihatkan bahawa mereka tidak berkuasa mengambil apa-apa tindakan atas sesuatu permohonan untuk pembahagian pusaka yang mengandungi harta-harta bernilai lebih daripada \$10,000/- tetapi tidak pula melebihi \$25,000/- sekiranya permohonan itu telah diserahkan kepada Mahkamah sebelum 1.7.1974.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 252/6-23

Kuala Lumpur,
Julai, 1975